

Lebih banyak forum bincang isu Baitulmuqaddis

KUALA TERENGGANU 18 Feb. -

Majlis Profesor Negara (MPN) akan terus memperbanyakkan penganjuran forum yang membincangkan isu Baitulmuqaddis sebagai salah satu inisiatif untuk mengingatkan masyarakat mengenai tanggungjawab membantu dan menyelamatkan kota suci umat Islam itu.

Ahli Bersekutunya, Dr. Aminurraasyid Yatiban berkata, pelaksanaan program itu secara tidak langsung berupaya mengekalkan kebersamaan dan solidariiti umat Islam di negara ini terhadap rakyat Palestin di samping mendukung perjuangan membebaskan mereka daripada cengkaman rejim Zionis Israel.

"Kita sewajarnya menggunakan saluran lain untuk mempertahankan Baitulmuqaddis seperti sumbangan, dari sudut kewangan, bantuan kemanusiaan, penganjuran kempen kesedaran atau diskusi ilmu termasuk forum sebegini.

"Aspek ini wajar diberi perhatian kerana ada segelintir umat Islam yang mungkin cuba untuk berjuang tanpa sebuah kefahaman dan kesedaran sebenar hingga membawa kepada tindakan yang merugikan kita sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas menjadi ahli panel dalam Forum Kesejahteraan Ummah bertajuk 'Islam & Isu Baitulmuqaddis' di Dewan Perdana, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) di sini baru-baru ini.

Ahli-ahli panel lain dalam forum berkenaan ialah Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal Universiti Malaysia Terengganu (UMTT), Prof. Dr. Asyraf Abd. Rahman; pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Unisza, Prof. Dr. Basri Ibrahim; Penasihat Agama kepada Menteri Besar Terengganu, Kamaludin Omar dengan Pengarah Pusat Islam UMT, Dr. Firdaus Khairi Abdul Kadir selaku moderator.